

**AHLI BARU LEBIH SETENGAH
DARI JUMLAH LAMA — PM**

UMNO kini layak mohon harta

KUALA LUMPUR 3 Kogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata jumlah ahli UMNO sekarang sudah mencukupi untuk membolehkannya memohon untuk memiliki semula harta UMNO lama yang kini dipegang oleh Jabatan Pemegang Harta.

“Kita sudah dapat ahli baru jauh melebihi setengah (daripada jumlah keahlian lama) jadi kita sebenarnya sekarang boleh memohon untuk mengambil semula segala harta dan aset tersebut,” kata beliau ketika

menjawab soalan para pemberita di sini petang ini selepas merasmikan menara Bank Pembangunan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, UMNO tidak akan terburu-buru dalam soal ini kerana beberapa prosedur perlu diikuti dan ia akan mengambil masa.

Di antara syarat-syarat yang terdapat di dalam Akta Pertubuhan bagi membolehkan UMNO mengambil semula segala harta UMNO lama ialah lebih separuh dari ahli-ahli parti lama hendaklah menganggotai UMNO baru.

Seorang jurucakap Jabatan Pemegang Harta berkata hari ini bahawa UMNO juga perlu membuktikan rekod keahlian lama bagi membolehkannya menuntut semula segala hartanya.

Semalam Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata, sehingga sekarang lebih 600,000 permohonan telah diterima untuk menyertai parti itu.

Sementara itu kabinet hari ini memutuskan supaya sebuah suruhanjaya diraja dibentuk dengan segera bagi menjalankan satu siasatan terbuka ke atas tragedi jeti Pangkalan Sultan Abdul Halim yang runtuh Ahad lalu.

Perdana Menteri berkata, Menteri Pengangkutan Datuk Dr. Ling Liong Sik akan mengadap Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pembentukan suruhanjaya diraja tersebut.

Menjawab soalan para pemberita, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, kabinet telah mencadangkan beberapa nama untuk menduduki suruhanjaya diraja itu tetapi ia tidak dapat diumumkan sekarang.

Tambah Perdana Menteri, Datuk Dr. Ling bertanggungjawab untuk mengumumkan butir-butir lanjut pembentukan suruhanjaya itu.

“Selepas beliau mengadap Seri Paduka, siasatan akan berjalan secepat mungkin,” tegas beliau.

Sementara itu, ketika menjawab satu soalan mengenai tribunal kes Tun Salleh Abas, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bahawa beliau tidak lagi terlibat dengan perkara itu.

Kata beliau: “Laporan mengenai tribunal itu telahpun diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan kini terpujalah kepada Seri Paduka untuk memutuskan bilakah ia boleh diumumkan.